

# Kerajaan ambil alih Renong: Mahathir

BH 20 JUL 2001  
Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan kerajaan akan mengambil alih konglomerat tempatan, kumpulan Renong Bhd (Renong) yang kini menghadapi masalah hutang, secepat mungkin.

Malah, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan tidak menolak kemungkinan Pengarah Urusan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta), Datuk Azman Yahya, dilantik menerajui Renong menggantikan Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Halim Saad.

Beliau bagaimanapun menjelaskan, sebarang keputusan kerajaan untuk mengambil alih Renong dibuat selepas mengambil kira kepentingan orang ramai kerana kumpulan itu banyak terbabit dalam projek-prasarna seperti pengangkutan awam.

Ditanya bila pengumuman akan dibuat mengenai pengambilalihan itu, Dr Mahathir berharap ia dapat dilakukan secepat mungkin.

"Sebenarnya, saya tidak patut bercakap mengenai (isu) ini kerana ia membabitkan pasaran. Saya tidak tahu apa yang berlaku. Maka saya anggap kerajaan sudah tentu cuba mencari penyelesaian.

"Tetapi bagaimana kita melakukannya, kita tidak tahu (lagi)," katanya kepada

Pengarah Urusan Danaharta, Datuk Azman Yahya mungkin dilantik menerajui Renong menggantikan Pengerusi Eksekutifnya Tan Sri Halim Saad

Teknologi Maklumat, di sini.

Mengenai kemungkinan Azman diberi tanggungjawab menerajui Renong bagi menggantikan Halim, beliau berkata segalanya berkemungkinan "tetapi saya tidak tahu siapa."

Kumpulan Renong, menerusi syarikatnya seperti United Engineers (Malaysia) Bhd (UEM), Projek Lebuhraya Utara-Selatan Bhd (Plus), Projek Usaha-sahama Transit Ringan Automatik Sdn Bhd (Putra) dan Prolink Development Sdn Bhd (Prolink) mempu-

memiliki 16.5 peratus ekuiti dalam Renong dan peneraju utama konglomerat itu akan kehilangan penguasaannya.

Dr Mahathir, ketika ditanya mengenai laporan media bahawa kerajaan akan mengambil alih Renong, berkata kaunter syarikat itu sudah digantung sementara daripada urusan niaga di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Ia mungkin kerana perkara ini sedang berlaku. Jika tidak, anda tidak akan menggantung urusan niaga," katanya.

Urus niaga Renong dan UEM di BSKL digantung selama empat hari dagangan mulai semalam sementara menunggu penguaman dibuat.

Mengenai kemungkinan Khazanah Nasional Bhd (Khazanah), syarikat pelaburan milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF Inc), digunakan untuk mengambil alih Renong, beliau berkata: "Jika ia menguntungkan kerajaan, kerajaan pun seronok juga."

Perdana Menteri berkata, sesiapa saja yang ingin mengambil alih Renong

PM  
enggan  
ulas aset  
Renong

DARI MUKA 1

beban hutang sedia ada yang ditanggung syarikat itu. "Apabila kita bercakap mengenai hutang, kita juga mesti melihat asetnya. Jika hutang melebihi aset, maka saya rasa tidak bijak untuk membelinya.

"Tetapi jika aset di bawah paras nilai sebenar, seperti anda tahu dialami kebanyakan syarikat hari ini, nilainya sangat jauh di bawah paras aset.

"Tengoklah... jika kita dapat membebaskan nilai aset, maka ia (pembelian) adalah berbaloi," katanya yang enggan mengulas sama ada aset sebenar Renong melebihi jumlah hutang atau sebaliknya.

Ditanya sama ada kerajaan tidak lagi menyerahkan penguasaan ekuiti kumpulan seperti Renong kepada individu tertentu selepas ini, Dr Mahathir berkata, pihaknya tidak dapat menghalang jika ada individu tertentu sanggup mengambil alih.

"Saya berharap kita mempunyai keadaan sama-sama menang yang mana orang yang terbabit tidak rugi terlalu banyak, tetapi secara umumnya harus ada faedah untuk orang awam.

"Ini kerana seperti anda tahu, Renong telah menurunkan pasaran begitu teruk dan saya berpendapat, jika kita boleh mengeluarkan kaunter ini, ia sesuatu yang akan membantu pasaran saham," katanya.